



Perdana Menteri berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Dewan Utama Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Anwar tetap hadir persidangan APEC

Langkah diambil demi menjaga hubungan diplomatik, keamanan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menghadiri sidang Minggu Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) minggu depan walaupun wujud desakan untuk tidak berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, Malaysia beliau perlu menjaga hubungan diplomatik, keamanan dan ekonomi.

"Apakah disebabkan negara kita tidak bersetuju dengan isu (Palestin) ini, maka kita tidak akan hadir?"

"Bagi saya, ada juga keutamaan menjaga hubungan diplomatik dan keamanan walaupun tidak berganjak dari sudut mempertahankan keadilan serta menyokong perjuangan hak rakyat Palestin.

"Setakat ini, saya memutuskan untuk hadir persidangan APEC yang dihadiri oleh semua negara Asia atas undangan Presiden Joe Biden ke San Francisco," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan Bersama Perdana Men-

teri di sini, semalam.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

APEC adalah forum ekonomi serantau yang ditubuhkan pada 1989 untuk memanfaatkan saling ketergantungan yang semakin meningkat di Asia-Pasifik, yang mana tahun ini, ia akan bersidang di San Francisco bermula 11 hingga 17 November ini.

Anwar berkata, sudah tentu keputusannya itu tidak akan menyenangkan sebahagian pihak, namun tugas sebagai Perdana Menteri menuntut beliau menjaga kepentingan Malaysia.

"Sebagai Perdana Menteri, saya kena jaga kepentingan negara ini dan keselamatannya, ekonominya, kesenangannya dan tentu tidak berganjak menyatakan sikap saya (dalam isu Palestin)," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengajak semua pihak termasuk parti politik tidak mempolemikkan isu Palestin, sebaliknya mencari cara untuk membantu negara berkenaan.

"Saya lihat kadang-kadang polemik parti dan golongan ekstrem agak melampau, sudahlah, dalam isu Gaza ini, kita berpakatliah bersama, orang dibunuh, anak-anak kecil mati, fikirilah bersama bagaimana nak membantu.

"(Ini) nak cari *political score and point* (kelebihan politik), *it is sickening* (ia menjengkelkan), nak kecam orang itu, (kata) orang itu tak bagus, saya sahaja bagus dan itu keadaan politik

sudah hampir menyesatkan sehingga hilang pertimbangan," katanya.

Kongsi kepakaran ICT

Sementara itu, Perdana Menteri meminta agensi kerajaan yang memiliki pakar dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berkongsi kepakaran dengan jabatan lain bagi menjamin produktiviti sektor awam.

Anwar berkata, perkongsian itu penting kerana bidang ICT semakin mencabar dan luar biasa yang memerlukan perubahan dilaksanakan.

"Saya berbincang dengan Pengerusi PETRONAS dan Gabenor Bank Negara semalam (kelmarin) dan saya minta kepakaran itu dimanfaatkan oleh semua jabatan.

"Kita mohon Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dapat membuat keputusan muktamad (berkaitan isu ICT) supaya tidak berlaku pembaziran," katanya.

Tegasnya, perkongsian kepakaran itu juga sejajar dengan inisiatif kerajaan mempertingkatkan kepakaran serta kemahiran dalam bidang ICT di negara ini.

"Ini soal transformasi digital, peralihan tenaga, pelan hala tuju industri baharu dan ini semua memerlukan (kita) menggapai sesuatu yang tinggi.

"Tetapi dalam menggapai langit, jangan kita lupa untuk berakar di bumi kerana kita juga harus fikir masalah asas rakyat seperti harga barang, tandas sekolah dan jalan berlubang," katanya.